



JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN,  
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH,  
JALAN HAJI ABDUL WAHAB  
31000 BATU GAJAH

BORANG MELETAKKAN KERUSI MEJA DILUAR PREMIS MAKANAN  
(RESTORAN / KEDAI MAKAN)

BORANG/MDBG/JP-25

No. Telefon : 05-3632020 / 05-3632030

No. Fax : 05-3665930

E-Mal : pelesenan@mdbg.gov.my

KAWASAN : .....

RUJ.FAIL : MDBG ..... NO.RUJUKAN LESEN : .....

**1. MAKLUMAT PEMOHON**

1.1. Nama : .....

1.2. No.K/P : .....

1.3. No.Tel : .....

1.4. Warganegara : ( ) Warganegara ( ) Penduduk Tetap

**2. MAKLUMAT PERNIAGAAN**

2.1. Jenis Perniagaan : .....

2.2. Alamat Premis Perniagaan : .....

2.3. Masa Perniagaan : Dari \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

2.4. Jumlah Kerusi / Meja : Meja - 1-5 ( )

Meja - 6-10 ( )

2.5. Lokasi Premis : .....

(sila sertakan pelan lakaran)

**PERAKUAN PEMOHON**

Saya ..... No.K/P ..... mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah, Perak.

.....  
(Tandatangan Pemohon)

Nama : .....

No.K/P : .....

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

CAP TARIKH TERIMA :

TANDA TANGAN  
PEGAWAI:

**MAKLUMAT PEMBAYARAN PEMOHON**

NO.RESIT : .....

TARIKH BAYARAN : .....

## SYARAT-SYARAT KELULUSAN PERMIT KAKI LIMA BAGI MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI HADAPAN PREMIS PERNIAGAAN.

---

Kelulusan permit sementara bagi meletakkan kerusi dan meja di luar premis makanan seperti berikut :

- 1.1 Lesen permit sementara :-
  - 1.1.1 RM5.00 / meja (tempoh: 1 bulan)
  - 1.1.2 Cagaran - RM100.00
  - 1.1.3 Meja bulat atau empat segi ( 4 ke 5 orang)
- 1.2 Permohonan tambahan meja akan dipertimbangkan mengikut keperluan.
- 1.3 Dibenarkan bagi premis perniagaan di lot tepi sahaja dan terletak di jalan yang tidak sibuk (bukan jalan utama) atau terletak di hujung jalan / jalan mati.
- 1.4 Waktu yang dibenarkan hanya pada waktu malam sahaja, dari jam 6.00 petang hingga 12.00 malam sahaja.
- 1.5 Jika terdapat aduan-aduan yang berasas, Majlis boleh membatalkan permit dengan serta-merta.
- 1.6 Tempoh permit yang dibenarkan adalah untuk enam (6) bulan sahaja setiap permohonan, dan perlu diperbaharui sebelum tamat tempoh tersebut serta tertakluk kepada keputusan Majlis.
- 1.7 Para peniaga harus memastikan kebersihan di kawasan tempat letak kerusi meja semasa berniaga dan selepas tamat waktu berniaga.
- 1.8 Kerusi dan meja yang digunakan pada sebelah malam hendaklah dialihkan dan disimpan secara tersusun di dalam premis dan tidak mengganggu laluan di tempat awam.
- 1.9 Pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
- 1.10 Mematuhi had bilangan meja yang telah diluluskan.
- 1.11 Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelanggan mereka dengan mengambil '*Public Liability Insurance*' dan mengemukakan salinan bersama-sama Borang Permohonan.
- 1.12 Mewajibkan pelan lakar kawasan premis dan kelulusan ruang yang dimohon termasuk ukuran tempat kaki lima yang digunakan.
- 1.13 Para pengendali makanan perlu menghadiri Kursus Asas Pengendalian Makanan dan telah mendapatkan Suntikan Typhim ( jika ada pekerja tambahan pada sebelah malam ).
- 1.14 Perbuatan meletak kerusi dan meja di atas jalan, bahu jalan dan tempat meletak kereta adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 1.15 Sila pameran resit pembayaran permit kaki lima di premis tuan / puan bagi pemeriksaan pihak Majlis.

---

**SILA HADIR KE BAHAGIAN PELESENAN BAGI URUSAN PEMBAYARAN PERMIT KAKI LIMA ATAU KERUSI MEJA.**

**SURAT AKUAN BERKANUN**

Saya \_\_\_\_\_ No. K/P \_\_\_\_\_

yang beralamat di \_\_\_\_\_

dan menjalankan perniagaan di \_\_\_\_\_

(selepas ini dirujuk sebagai "Premis tersebut") dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa :-

- 1) Saya hanya akan menggunakan 2 kaki daripada kaki lima di hadapan Premis tersebut seperti yang dinyatakan dalam kebenaran yang diberikan dalam permit perniagaan di kaki lima;
- 2) Saya bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aduan mengenai penggunaan kaki lima di hadapan Premis tersebut;
- 3) Sekiranya sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di kaki lima premis tersebut terdapat sebarang aduan atau apa-apa kacauganggu kepada premis berhampiran atau orang awam atau persekitaran, tindakan penguatkuasaan oleh Majlis Daerah Batu Gajah (selepas ini dirujuk sebagai "MDBG") akan dikenakan menurut peruntukan undang-undang yang berkaitan dan permit perniagaan tersebut boleh dibatalkan;
- 4) Pihak MDBG tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang liabiliti dan tuntutan bagi sebarang kos yang berkaitan kerosakan, perpindahan atau kemalangan sekiranya ada sepanjang tempoh pemberian permit perniagaan di atas kaki lima;
- 5) Saya juga tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan, bayaran atau apa-apa kos berkaitan kepada pihak MDBG terhadap sebarang pemasalahan yang berlaku sepanjang tempoh pemberian permit ini;
- 6) Saya sesungguhnya faham dan mempunyai pengetahuan bahawa permit perlu diperbaharui setiap bulan; dan
- 7) Saya berjanji akan mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh MDBG dari semasa ke semasa.

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan **Akta Akuan Berkanun 1960**.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut nama di atas \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

di \_\_\_\_\_

di Negeri \_\_\_\_\_

pada \_\_\_\_\_

Di hadapan saya,

.....  
**(Tandatangan Hakim  
Mahkamah Seksyen Majistret  
atau Pesuruhjaya Sumpah)**